

Perkenal subjek Islam Hadhari di IPTA

um 27/3/06

SEPANG 26 Mac – Kerajaan disaran memperkenalkan subjek teras, Islam Hadhari di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sebagai satu usaha untuk melaksanakan proses mencerahkan semula minda umat Islam.

Cadangan tersebut merupakan salah satu resolusi dikeluarkan oleh Seminar Kebangsaan Islam Hadhari dan Pembangunan Umah yang berakhir hari ini.

Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), Datuk Mohd. Nakhaie Ahmad berkata, langkah tersebut tidak bermakna subjek agama yang sedang diajar di universiti tidak menepati konsep Islam Hadhari.

Sebaliknya beliau berkata, subjek berkenaan perlu kepada proses perubahan kurikulum dan modul.

“Ini adalah proses mencerahkan akal dan rohani supaya para pelajar dapat mendalami acuan Islam yang digagaskan dalam pendekatan Islam Hadhari.

“Subjek Islam yang diajar perlu juga mengambil kira kajian mengenai isu semasa dan dibincangkan secara bersepadu,” katanya kepada *Utusan Malaysia* selepas majlis penutup seminar tiga hari itu di sini hari ini.

Seminar anjuran bersama Yadim dan Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi Mara (UiTM) itu mengemukakan lapan ketetapan yang akan dihantar kepada Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pengajian Tinggi bagi dipertimbangkan.

Canselor UiTM, Prof. Madya Dr. Mustaffa Mohamed Zain dan Pengarah CITU, Muhammad Rahimi Osman.

Menurut Mohd. Nakhaie, sebagai langkah permulaan, Yadim telah memeterai perjanjian bersama dengan CITU untuk merumuskan modul baru bagi memperkenalkan subjek Islam Hadhari.

“Kami berharap UiTM akan menjadi IPTA pertama yang dapat memperkenalkan subjek tersebut.

“YADIM juga bersedia untuk bekerjasama dengan IPTA yang lain bagi tujuan tersebut,” katanya.

Mohd. Nakhaie berkata, seminar tersebut juga mencadangkan penubuhan Institut Pemikiran Islam Hadhari (IPIH) bagi menjalankan penyelidikan ke atas isu-isu kontemporari untuk membantu kerajaan merealisasikan pelaksanaan Islam Hadhari di negara ini.

“Institut tersebut akan memainkan peranan bagi memberikan *input* kepada proses pembangunan negara yang dirancang supaya dapat memenuhi prinsip Islam Hadhari,” katanya.

Beliau menyatakan, penubuhan institut tersebut tidak akan menyebabkan berlakunya pertindihan dengan institusi-institusi Islam yang sedia ada kerana ia mempunyai peranan yang tersendiri.

“Bagaimanapun institut tersebut boleh menjalankan kerjasama dengan badan Islam lain seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)

Langkah itu tidak bermakna subjek agama yang diajar di universiti tidak menepati konsep Islam Hadhari

MOHD. NAKHAIE AHMAD
Yang Dipertua Yadim



MOHD. Nakhaie Ahmad (kiri) menyerahkan Resolusi Seminar Kebangsaan Islam Hadhari dan Pembangunan Umah kepada Dr. Mustaffa Mohamed Zain pada majlis penutup seminar tersebut di Hotel Pan Pasific KLIA, Sepang, semalam.